

25/09/2003

Permintaan AS terlambat: PM

Manja Ismail

STOCKHOLM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan permintaan Amerika Syarikat supaya semua negara melupakan perbezaan pendapat berhubung Iraq, sebaliknya sama-sama membantu program pembinaan semula negara itu sebagai 'agak terlewat'.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sejak dulu menyedari bahawa tiada negara, walaupun kuasa besar dunia yang mampu menyelesaikan masalah secara bersendirian.

"Sebab itu, awal-awal lagi kita perlu ada kerjasama dengan negara lain. Sekarang agak terlewat lah...pada pandangan saya bagi meminta kerjasama negara lain.

"Walaupun ada negara yang berjanji menghantar tentera, mereka tidak berbuat demikian. Sepanyol yang kuat menyokong dulu tidak hantar. Jepun juga begitu. Kalau hantar pun yang 'non-combatted' (tidak berperang)," katanya dalam sidang akhbar pada akhir lawatan rasmi tiga harinya ke Sweden, pagi semalam.

Dr Mahathir yang berlepas ke New York selepas itu untuk berucap di Perhimpunan Agung Tahunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hari ini, diminta mengulas ucapan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, kepada badan dunia itu kelmarin.

Dalam ucapannya, Bush mempertahankan keputusan unilateral Washington menyerang Iraq lima bulan lalu, tetapi mencabar PBB melupakan perbezaan besar mengenai Iraq bagi membantu rakyatnya membina sebuah negara demokratik yang aman.

Ditanya sama ada beliau akan menyentuh perkara itu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, beliau tidak bercadang berbuat demikian kerana masa tujuh minit yang diperuntukkan terlalu singkat.

Mengenai saranan beberapa pemimpin PBB, termasuk Setiausaha Agung Kofi Annan, supaya struktur PBB dirombak semula agar tidak dikuasai negara tertentu, Dr Mahathir berkata, memang wujud momentum ke arah itu.

"Malah dalam perbincangan dengan Perdana Menteri Sweden, Goran Persson, semalam, kita bersetuju bahawa PBB memerlukan pembaharuan. Tetapi itu sukar dilakukan selagi negara kuasa besar keberatan melepaskan kuasa veto mereka.

"Apabila satu kuasa besar menggunakan kuasa vetonya, tentu ia tidak dapat dilakukan," katanya.

Mengenai lawatannya, Dr Mahathir berkata, Malaysia berminat mengambil contoh kemampuan syarikat negara Sweden mengeluarkan barangan bermutu dan mempunyai daya saing tinggi di pasaran global.

Sambil memberi contoh teknologi automotif negara itu yang mempunyai input kejuruteraan yang tinggi, beliau berkata, walaupun Sweden negara kecil daripada saiz penduduk sebanyak 8.9 juta, taraf hidup mereka yang tinggi diasaskan kepada pengeluaran barangan bermutu.

"Mereka menerima hakikat bahawa mereka sebuah negara kecil, tetapi perlu bersaing di pasaran dunia dengan mengeluarkan barangan berkualiti. Pendekatan ini kita harus beri perhatian kerana kalau kita dapat mengeluarkan barangan yang mempunyai kualiti bertaraf dunia, pasaran kita juga jadi besar," katanya.

Dr Mahathir berkata, Sweden juga maju dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, terutama sains perubatan seperti di Karolinska Institutet, sebuah institusi penyelidikan perubatan terkemuka.

Beliau yang melawat institut yang bertanggungjawab memilih penerima Anugerah Nobel bagi kategori fisiologi atau perubatan, berkata penyelidikan di Karolinska Institute juga adalah keluaran yang boleh dipasarkan dan Malaysia berhajat mengadakan kerjasama.

Mengenai lawatan ke Kompleks Ericsson petang Selasa, Dr Mahathir

berkata, beliau mendengar taklimat mengenai integrasi sistem komunikasi antara pasukan keselamatan di Sweden.

"Mereka berkata jika tiada integrasi, akan timbul keadaan seperti di Pusat Dagangan Dunia di New York ketika bangunan itu hampir runtuh ketika peristiwa 11 September. Polis cuba menghubungi anggota bomba dalam bangunan itu supaya keluar.

"Mereka tak dapat berhubung dan sebab itu lebih 100 anggota bomba terbunuh apabila bangunan itu runtuh. Oleh itu Ericsson cadang supaya komunikasi antara pasukan ini digabungkan dan ini sedang dibuat di Sweden," katanya.

Mengenai keraguan operator telekomunikasi di Malaysia mendapatkan lesen komunikasi 3G, Dr Mahathir berkata, ia disebabkan pengalaman negara luar yang mendapati syarikat yang membeli lesen 3G mengalami kerugian.

"Walaupun kebolehan 3G ini begitu canggih, ia tidaklah sebegitu baik seperti yang dijangka. Jadi kita terpaksa tunggu dan lihat apa yang berlaku.

"Sebenarnya ada tiga atau empat syarikat gergasi di Eropah yang rugi kerana membeli lesen 3G pada harga yang terlalu mahal," katanya.

Berhubung pertemuan dengan pemimpin syarikat swasta di Sweden, Dr Mahathir berkata, syarikat berkenaan menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia.

"Mereka juga berminat melabur di Malaysia dan mempromosikan barangan dalam bidang elektronik, jana kuasa dan penyelidikan," katanya.

Menyentuh hubungan dua hala dengan Sweden, Perdana Menteri berkata: "Kita tak ada apa masalah dengan Sweden. Pandangan kita mengenai dunia pun lebih kurang sama...mereka mempunyai ideologi sosialis tapi ini tak jadi masalah dalam hubungan kita dengan mereka."